

TERAPI PSIKOSPIRITUAL DALAM RAWATAN PENAGIHAN DADAH: KAJIAN KES PONDOK REMAJA INABAH 1 MALAYSIA

PSYCHOSPIRITUAL THERAPY IN DRUG ADDICTION TREATMENT: A CASE STUDY OF INABAH 1 MALAYSIA YOUTH CENTER

Maisarah Saidin¹
Syed Mohammad Chaedar Syed Abdurrahman²
Abdulloh Salaeh³
Mohd Zohdi Mohd Amin⁴
Syed Najihuddin Syed Hassan⁵
Adnan Mohamed Yusoff⁶

¹ Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (maisarah@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (muhay@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (abdulloh@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (zohdi@usim.edu.my)

⁵ Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (syednajihuddin@usim.edu.my)

⁶ Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (adnan@usim.edu.my)

Article history

Received date : 9-9-2023
Revised date : 10-9-2023
Accepted date : 14-10-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Saidin, M., Syed Abdurrahman, S. M. C., Salaeh, A., Mohd Amin, M. Z., Syed Hassan, S. N., & Mohamed Yusoff, A. (2023). Terapi psikospiritual dalam rawatan penagihan dadah: Kajian Kes Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 544 – 560.

Abstrak: Isu penyalahgunaan dadah bukanlah satu fenomena baru di Malaysia malahan ia merupakan masalah antarabangsa yang membelenggu hampir kesemua negara di dunia ini. Saban tahun, penyalahgunaan dadah yang melibatkan golongan belia dilihat mengalami tren peningkatan yang amat membimbangkan. Kerajaan Malaysia melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan PEMADAM telah menjalankan pelbagai usaha pencegahan serta pemulihan bagi membendung masalah ini. Malangnya, hasil yang dicapai tidak setanding dengan kos yang telah dilaburkan oleh pihak kerajaan. Masalah penyalahgunaan dadah ini, jika tidak ditangani secara serius boleh merosakkan masa depan generasi muda sekaligus memberi kesan kepada usaha pembangunan negara serta menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan jenayah lain yang sukar dikawal seperti kes kecurian, rompakan dan pembunuhan. Kelemahan dalam aspek kerohanian dalam diri khususnya pengamalan serta penghayatan terhadap ibadah harian dilihat sebagai faktor utama yang menyebabkan seseorang individu terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Perlaksanaan sesuatu ibadah dipercayai merupakan antara komponen terpenting dalam memulihkan diri dari ketagihan dadah. Ini kerana, pengamalan ibadah merupakan wasilah untuk mendekatkan diri dengan tuhan dan merupakan salah satu cara merawat jiwa penagih. Justeru itu, artikel ini bertujuan meninjau potensi kaedah terapi psikospiritual berasaskan aspek ibadah yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah 1

Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan metode pemerhatian, temubual serta analisis teks. Dapatan kajian menunjukkan kefahaman, penghayatan dan pengamalan ibadah harian seperti mandi, solat, berzikir, berwirid dan sebagainya mampu merawat ketagihan dadah secara berterusan serta mencegah penagih untuk kembali relaps.


Kata Kunci: Terapi Psikospiritual, Rawatan Penagihan Dadah, Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia.

Abstract: The issue of drug abuse is not a new phenomenon in Malaysia; in fact, it is an international problem that plagues almost all countries in the world. Every year, there is an alarming increase in drug misuse among young people. To combat this problem, the Malaysian government has launched several preventive and rehabilitation initiatives through the National Anti-Drug Agency (NADA) and PEMADAM. Unfortunately, the outcomes obtained are not equivalent to the costs that have been invested by the government. If not addressed effectively, the drug misuse problem has the potential to harm the young generation's future, undermine the country's development efforts, and contribute to a rise in other difficult-to-control crimes such as theft, robbery, and murder. Weakness in the spiritual aspects of oneself, particularly the practise and appreciation of daily worship, is seen as the primary component that leads to drug usage. The implementation of worship is seen as one of the most significant components of recovery from drug addiction. This is because worship is a method to grow closer to God and is one of the ways to calm an addict's soul. Therefore, the purpose of this article is to examine the potential of psychospiritual therapeutic methods based on components of worship practised in Pondok Remaja Inabah 1, Malaysia. This qualitative study employs observation, interview, and text analysis methodologies to attain these goals. The study's findings indicate that understanding, appreciating, and practising daily worship such as bathing, prayer, dhikr, wirid and so on can effectively heal drug addiction and keep addicts from relapsing.

Keywords: Psychospiritual Therapy, Drug Addiction Treatment, Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia

Pendahuluan

Statistik jumlah penyalahguna dan penagih dadah bagi tahun 2021 menunjukkan golongan belia yang berumur dalam lingkungan 19 sehingga 39 tahun mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 65.9 peratus iaitu sebanyak 81,112 orang berbanding golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa (AADK, 2021). Walaupun tren menunjukkan berlaku penurunan antara tahun 2020 dan 2021, namun jumlah penagih dadah yang tercatat masih berada di paras yang membimbangkan.



Gambar rajah 1: Statistik Penyalahgunaan Dadah Mengikut Kategori Umur Tahun 2020-2021.

Sumber: AADK, 2021.

Melihat kepada statistik tersebut, masalah penyalahgunaan dadah perlu ditangani secara serius kerana ia boleh merosakkan masa depan generasi muda sekaligus memberi kesan kepada usaha pembangunan negara. Malah, gejala ini dilihat sebagai faktor penyumbang kepada peningkatan jenayah lain yang sukar dikawal seperti kes kecurian, rompakan, keganasan, pembunuhan dan sebagainya.

Kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha pencegahan untuk memerangi dan membanteras gejala penagihan dadah. Antaranya melalui perlaksanaan penguatkuasaan undang-undang seperti hukuman penjara, sebatan dan hukuman mati mandatori. Selain itu, dalam usaha pemulihan, kerajaan mengambil inisiatif untuk merawat dan memulihkan penagih dadah melalui penubuhan pusat Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) di seluruh negara.

Melalui penubuhan CCRC ini, kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar untuk menanggung kos rawatan dan pemulihan penagih ini. Namun begitu, kos yang dilaburkan tidak setanding dengan hasil yang dicapai. Ini kerana, bilangan kes ketagihan dadah dalam kalangan rakyat Malaysia masih menunjukkan jumlah yang tinggi. Tambahan pula, terdapat ramai dari kalangan penagih yang telah menjalani rawatan terjebak kembali dengan penagihan semula dadah (relapse) setelah keluar dari pusat pemulihan. Justeru itu, kaedah rawatan yang lebih efektif perlu dibangunkan bagi memulihkan mereka dari ketagihan dadah secara berterusan. Oleh yang demikian, kajian ini akan meninjau potensi kaedah rawatan psikospiritual yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah 1, Malaysia dan menganalisis potensi yang ada secara saintifik untuk membangunkan model baharu rawatan yang lebih holistik dan lestari serta bertindak sebagai alternatif kepada pihak kerajaan dalam menangani masalah penagihan dadah.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif dijalankan bagi mengenalpasti bentuk terapi psikospiritual holistik berasaskan ibadah yang digunakan di pusat rawatan pemulihan. Bagi mendapatkan maklumat menyeluruh berhubung kajian yang dijalankan metode temubual dan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini. Kaedah temu bual berstruktur digunakan supaya maklumat yang diperlukan dapat diperolehi dengan tepat dan terancang. Borang temu bual disediakan kepada penagih dan Perawat atau Pegawai. Temu bual ini dijalankan bagi mengenalpasti sejauhmana modul terapi yang digunakan memberi kesan positif kepada kestabilan jiwa dan diri pelatih. Selain itu, kajian teks turut digunakan bagi mendapatkan rekod rawatan, pesakit, pencapaian dan apa-apa dokumen yang boleh memberi informasi berkaitan dengan objektif kajian. Seterusnya data dianalisis secara induktif dan deduktif bagi memperincikan kaedah terapi ibadah yang digunakan dan aktiviti harian yang dijalankan dalam pemulihan penagihan dadah serta mengenalpasti tahap pencapaian semasa pusat rawatan terbabit dalam pemulihan penagihan dadah.

Konsep Terapi Psiko Spiritual dalam Rawatan Dadah

Terapi ialah suatu rawatan pemulihan yang digunakan bagi merawat penyakit fizikal atau mental dan bebas daripada penggunaan sebarang ubatan ataupun pembedahan. Terapi juga ditakrifkan sebagai satu pekerjaan yang terdiri daripada aktiviti berbentuk fizikal atau mental yang dilakukan bertujuan untuk merawat, memulihkan atau mengatasi masalah-masalah fizikal, emosi atau sosial yang dihadapi oleh individu (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Psikospiritual pula ialah gabungan dua perkataan, iaitu psikologi dan spiritual. Menurut Dewi Ainul, (2016), psikospiritual berkaitan dengan hubungan minda dan spiritual, manakala menurut Che Zarrina (2019) psikospiritual ataupun psikologi Islam mempunyai hubungan yang erat dengan persoalan jiwa, perilaku dan kebahagiaan manusia. Psikologi spiritual atau singkatannya psikospiritual ialah suatu bidang baharu dalam disiplin psikologi yang mula mendapat perhatian secara meluas. Terdapat dua aspek utama yang diberi penekanan dalam psikospiritual ini, iaitu hubungan antara jasmani, minda, jiwa dan rohani serta pengukuhan hubungan antara ilmu teori dan amalan praktikal. Dapat difahami bahawa bidang ini menekankan ilmu ketuhanan, iaitu ilmu metafizik dan psikologi, di mana proses tersebut melibatkan mental, pengalaman dan sikap manusia (Akbar, 2005; Che Zarrina, 2019).

Seterusnya, menurut Siti Norlina dalam Siti Zafrina et al., (2020), telah menyatakan bahawa istilah psikoterapi Islam juga merupakan istilah lain bagi psikospiritual kerana perkataan tersebut melibatkan pemantapan iman dan pembersihan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*). Psikoterapi yang sedang meluas ini terbahagi kepada empat jenis, iaitu terapi psikotropik, terapi psikologis, terapi psikososial dan terapi psiko-spiritual atau turut dikenali sebagai psikoreligius (Rahmad & Muktamirul Haq, 2018). Walaupun begitu, berbeza dengan psikospiritual yang membicarakan tentang psikologi spiritual dan kaedah terapi yang digunakan, psikoterapi Islam lebih menekankan kaedah terapi atau rawatan dan pengaplikasiannya terhadap klien di mana ia digunakan dalam sesi bimbingan kaunseling (Che Zarrina, 2019).

Daripada perspektif terapi spiritual Islam pula merujuk kepada keimanan dan kepercayaan seseorang kepada Allah adalah kekuatan yang sangat bermakna bagi keupayaan untuk memperbaiki memulihkan diri dari gangguan depresi ataupun masalah-masalah jiwa yang lain dan menyempurnakan kualiti hidup manusia. Pada dasarnya terapi spiritual Islam tidak hanya sekadar menyembuhkan gangguan-gangguan psikologi tetapi yang lebih penting adalah bagaimana untuk meningkatkan kesedaran diri (*self-awareness*) agar manusia boleh memahami

hakikat dirinya. Selain itu, terapi spiritual boleh mempengaruhi seseorang dalam meningkatkan rasa penerimaan diri (*self-acceptance*) sementelahan, pendekatan spiritual membantu dalam mengekspresikan perasaan dan mendatangkan keselesaan kepada seseorang. Penerimaan diri terhadap masalah kesihatan yang menimpa diri akan mendorong individu tersebut untuk lebih mendekatkan diri kepada Penciptanya (Ahmad et al., 2014) .

Terapi Psiko Spiritual (TPS) merujuk kepada terapi yang mengintegrasikan unsur psikologi dan kerohanian. TPS ini boleh diertikan sebagai satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada aspek ketuhanan dan amalan-amalan Islam yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta amalan para salafus soleh yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Menurut Mohd Rushdan Mohd & Ahmad Bukhari, (2015), amalan TPS boleh diaplikasikan dalam proses penyembuhan pelbagai penyakit masalah kejiwaan, emosi dan minda manusia.

Selain itu, TPS merupakan kaedah rawatan yang digunakan bagi mengisi serta memantapkan kerohanian seseorang mampu menjadi penawar secara semulajadi ini digunakan dalam mengatasi masalah penyalahgunaan dadah. Dalam mencapai peringkat di mana individu tersebut berjaya menghasilkan penawar dari dirinya sendiri ialah dengan menghubungkan dirinya dengan sumber kerohaniannya, iaitu Allah S.W.T yang Maha Penyembuh lagi Maha Berkuasa (Mohd Rushdan Mohd & Ahmad Bukhari, 2015).

Terdapat tiga jenis Terapi Psiko Spiritual (TPS) yang sering digunakan dalam proses rawatan pesakit yang mempunyai masalah psikologi antaranya ialah terapi ruqyah. Menurut Ibn Hajar al-Asqalani dalam Abdulloh, Syed Najihuddin, et al., (2021), definisi ruqyah dari sudut bahasa ialah bacaan atau mantera. Terapi ruqyah ini sebahagian dari sumber perubatan Islam yang berasaskan Al-Quran. Terapi ini juga merupakan salah satu kaedah penyembuhan yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W. dalam merawat penyakit (Haslinda et al., 2015). Menurut Lilin et al., (2018), terapi al-Quran pula merupakan adaptasi daripada terapi ruqyah di mana terapi ini menggunakan bacaan ayat suci Al-Quran dalam merawat penyakit. Antara penyakit yang berjaya mendapat kesembuhan asbab daripada terapi ruqyah ini ialah penyakit jiwa yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus dan penyakit kritikal seperti kanser (Haslinda et al., 2015) serta penyakit ketagihan dadah (Haslinda et al., 2015; Zohdi et al., 2017).

Terapi psikospiritual Islam telah menunjukkan hasil yang berkesan dalam rawatan pemulihan dadah secara holistik. Kehidupan rohani yang kuat adalah salah satu elemen penting dalam merawat pergantungan kepada dadah dengan berkesan (Seghatoleslam et al., 2015). Penglibatan seseorang dalam penyalahgunaan dadah pada hakikatnya berpunca daripada ketidakmampuan seseorang insan itu mengawal desakan, pujukan, gangguan, cabaran, rontaan, aspek-aspek psikologi, emosi dan nafsu yang berada dalam dirinya (Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari 2015). Justeru itu, pelaksanaan ibadah seperti solat, berpuasa dan berzikir yang dijalankan secara berterusan dilihat mampu mengawal emosi dan nafsu pesakit seterusnya mampu mengatasi masalah ketagihan dadah.

Pengamalan Terapi Psikospiritual Di Pondok Remaja Inabah I Kedah

Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai cara untuk menangani permasalahan yang melibatkan penagihan termasuklah penubuhan pusat-pusat rawatan yang khusus bagi mereka yang terlibat dengan najis dadah. Salah satu pusat yang terlibat dalam merawat dan memulihkan penagih ialah Pondok Remaja Inabah I yang terbukti mampu membantu kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut.

Latar Belakang Pondok Remaja Inabah 1

Pondok Remaja Inabah I yang bertempat di Kampung Pulau Bidin, Mukim Telaga Mas, Alor Star, Kedah Darul Aman telah ditubuhkan pada tahun 1980. Penubuhan pusat tersebut adalah atas permintaan ibubapa/penjaga yang mempunyai anak atau saudara mara yang mempunyai masalah penagihan dadah dan kenakalan remaja. Pondok Inabah I diasaskan oleh Tuan Guru Haji Mohd Zuki As-Syuja' bin Shafie dan mula bergerak secara kekeluargaan di rumah beliau sendiri. Selepas pengasas utama pondok Inabah I meninggal dunia, anaknya iaitu, Haji Mohd Izuudin Bakir telah meneruskan legasi Datuk Haji Mohd Zuki Assyuja', ayahnya dan menjadi pengetua di pondok Inabah I. Manakala, En.Mohd Zakri bin Haji Rashid merupakan antara salah seorang staf yang berkhidmat di pondok Inabah I dan berperanan sebagai pembantu pengetua di pusat tersebut. Pusat ini dinamakan Inabah yang bermaksud "kembali ke jalan Allah SWT" bagi membantu penghuni di pondok Inabah I untuk kembali ke jalan yang benar.

Inabah telah dirasmikan pada tahun 1986 dengan nama yang baru iaitu Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia. Penubuhan pusat ini telah berjaya memulihkan ramai penyalahguna dadah dan masalah kenakalan remaja (anak bina). Misi utama penubuhan Pondok Inabah 1 Malaysia ialah untuk membina dan membimbing mangsa penyalahgunaan dadah dan masalah kenakalan remaja serta golongan yang mengalami ketidaktenteraman jiwa untuk kembali mendekati pencipta dan mengamalkan segala perintah-Nya. Pondok Remaja Inabah 1 juga dibina untuk membina akhlak yang mulia dalam kalangan anak bina bagi membantu pihak kerajaan menangani dan membasmi masalah penyalahgunaan dadah ini. Pondok Remaja Inabah I ialah pondok Inabah yang pertama ditubuhkan di Malaysia.

Pembukaan pondok Inabah I pada mulanya bukanlah satu perjalanan yang mudah. Ini kerana, pembukaannya memerlukan kepada kos yang tinggi dan pak guru pada masa tersebut tidak mampu menampung kos pembinaannya. Jadi, pak guru membuka pondok Inabah I di rumahnya sendiri bersama-sama keluarganya. Pada permulaan penubuhan Pondok Inabah I, pusat ini hanya boleh menampung seramai 20 orang "anak bina" (bekas penyalahguna dadah) kerana prasarana yang masih belum mencukupi. Oleh kerana pondok yang sedia ada tidak mamapu menampung bilangan anak bina oleh kerana peningkatan jumlahnya, maka Pondok Inabah 1 telah berpindah ke Jabal Suf, Kampung Paya, Mukim Padang Temak, Kuala Nerang bagi tujuan tersebut.

Penubuhan Khataman Munaqiban atau disebut juga sebagai sesepuh-sesepuh adalah sebagai tempat rujukan anak bina sekiranya mereka menghadapi masalah selepas keluar daripada pondok Inabah I. Di situ juga mereka masih mengamalkan zikir-zikir seperti yang pernah diamalkan di pondok Inabah sebelum ini, bagi memastikan amalan tersebut berterusan dan terus menjadi pendinding bagi mengelakkan diri mereka daripada relaps (kembali semula) (Mohd Zakri, 2022). Kekurangan maklumat terhadap penjagaan lanjutan dalam kalangan penagih dadah menjadi faktor utama yang menyebabkan bekas banduan dadah kembali terlibat dalam masalah penagihan dadah. Perasaan ingin kembali ini terjadi disebabkan ingin mencuba lagi, ketagih, tiada keinginan untuk berubah ke arah yang lebih baik dan akhirnya membawa kepada perbuatan jenayah (Mohd Alif et al., 2018).

Malah, kurangnya sokongan daripada masyarakat merupakan penyebab kepada penagihan berulang. Oleh itu, sokongan daripada masyarakat juga memainkan peranan utama bagi membantu penagih dadah pulih daripada gejala tersebut (Alia Ashrani et al., 2016). Justeru, pihak Inabah I sendiri sebenarnya tidak menetapkan masa-masa tertentu bagi anak bina untuk pulih daripada masalah penagihan. Ini kerana, semakin lama anak bina di pondok Inabah I,

semakin banyak dan ilmu-ilmu yang diperolehi khususnya dalam amalan berzikir. Pemulihan dan rawatan yang dijalankan akan sentiasa diaplikasikan dalam kehidupan walaupun selepas anak bina berjaya pulih dan keluar daripada pondok Inabah 1.

Pihak kerajaan telah mengiktiraf Inabah I atas kejayaan pusat tersebut memulihkan golongan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta kenakalan remaja. Justeru, pada tahun 1991, Inabah I telah didaftarkan di bawah PEMADAM KEBANGSAAN sebagai Pusat Jagaan Lanjutan PEMADAM. Setelah itu, pada tahun 1998, Inabah I juga telah didaftarkan di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian. Pondok Remaja Inabah I telah mendapat pengiktirafan atau pentauliahn sebagai sebuah badan NGO yang berusaha untuk merawat serta memulihkan individu masyarakat yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Namun begitu, pengiktirafan tersebut diberikan atas nama Pondok Remaja Inabah I sahaja, dan tiada pentauliahn secara individu kepada staf yang berkhidmat di pusat tersebut. Inabah I juga mempunyai jawatankuasa tertentu yang membantu dalam memudahkan urusan pentadbiran yang melibatkan anak-anak bina atau penghuni di Inabah I seperti pengerusi, setiusaha, bendahari, AJK-AJK kehormat, bahagian pengurusan dan juga panitia perancang.

Antara orang kuat yang membantu dalam menubuhkan Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia ialah pengasasnya sendiri iaitu Sheikh Mursyid Shohibul Wafa Tajul'Arifin yang dibantu oleh pak guru iaitu, Dato' Hj. Mohd Zuki Asyuja' bin Shafie, Prof Dr. Nik Hashim bin Nik Mustafa selaku penaung dan penasihat agungnya, iaitu Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Hj. Sakaran bin Dandai. Puan Intan Sakinah iaitu anak kepada pak guru selaku timbalan pengerusi yang dibantu oleh seorang setiusaha dan bendahari iaitu Encik Jaafar bin Shafie dan Datin Hajah Sebakayah binti Natu Khan. Manakala AJK kehormat dalam organisasi Inabah I terdiri daripada Prof Madya Dr. Nik Mohd Hazrul bin Nik Hashim, Dato' Hj. Khalid bin Ahmad, Tuan Hj. Zulkefli bin Abd Hamid, Tuan Hj. Sallauddin bin Mohd Shah, Encik Khairul Anwar bin Sidek dan Datuk Khadri bin Mustafa. Penaung-penaung dalam organisasi Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia merupakan antara sukarelawan yang bersama membangunkan Inabah I, ada sesetengahnya adalah anak murid pak guru sendiri, pernah mengamalkan juga amalan-amalan harian di Inabah I.

Anak bina diberikan tempoh selama lapan bulan untuk menjalankan rawatan dan memulihkan diri di pondok Inabah I. Selepas daripada tempoh tersebut, mereka juga diberikan peluang samada untuk meneruskan melakukan rawatan di Inabah selepas habis tempoh 8 bulan. Pak guru melihat kepada kemahiran-kemahiran atau perkara yang diminati oleh anak bina, misalnya, menghantar anak bina meneruskan pengajian dengan belajar di pondok pesantren Suryalayar bagi yang berminat untuk mendalami bidang ilmu agama khususnya. Tambahan lagi, mereka diberikan peluang untuk berkhidmat di Inabah I selepas mereka betul-betul sembuh dan berjaya memulihkan diri daripada najis dadah. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pak guru di pondok Remaja Inabah I sangatlah membantu anak bina untuk sembuh daripada penyakit penagihan yang mereka alami. Ini kerana, pak guru mengutamakan elemen-elemen rohani untuk membentuk semula jiwa anak bina ke jalan Allah SWT.

Elemen Psikospiritual Melalui Pengamalan Ibadah di Pondok Remaja Inabah I

Nasih Ulwan iaitu tokoh ulama Syria berpendapat bahawa al-Nafasatau ialah salah satu aspek dalaman yang mampu mengubah seseorang menjadi baik dan taat atau ingkar terhadap syariat Allah SWT mengikut *al-nafs al-ammara*, *al-nafs al lawwamah* dan *al-nafs al-mutmainnah* (Syamila Syamim & Che Zarrina, 2020).

الهوى هو الذين يحول بين الحق و الفطرة

Maksudnya: *Hawa nafsu merupakan penghalang di antara hak dan fitrah*

Unsur rohani yang diaplikasikan dalam pendidikan akan melahirkan masyarakat yang sentiasa mensyukuri dan menyedari tentang kewujudan Allah SWT, mempunyai akhlak dan budi pekerti mulia, bertanggungjawab dan mampu mencapai kesejahteraan diri di samping menyumbang kepada keharmonian institusi kekeluargaan, masyarakat serta negara. Unsur tersebut juga boleh diterapkan dalam usaha untuk merawat dan memulihkan individu masyarakat yang terlibat dengan masalah penagihan. Justeru, elemen kerohanian merupakan aspek yang penting dalam memulihkan dan merawat golongan yang terjebak dengan masalah penagihan dan membawa mereka kembali kepada syariat Islam (Maisarah et al., 2021).

Elemen ibadah yang diterapkan kepada anak bina di Inabah I adalah bertujuan untuk memantapkan dan meningkatkan aspek spiritual dalam diri setiap penagih. Ini kerana, individu yang terlibat dengan masalah penagihan dipercayai tidak mempunyai kehidupan rohani yang kuat, dan kehidupan rohani yang kuat bukanlah sekadar mencegah individu daripada terlibat dengan najis dadah, tetapi ia juga berkesan dan membantu dalam merawat dan memulihkan penagih-penagih (Muhammad Yusuf, 2008). Pemantapan spiritual adalah antara rawatan yang kebiasaannya dilakukan dalam mengatasi serta memulihkan penagih yang terlibat dengan gejala tersebut. Pada peringkat permulaan, anak bina di sini dipaksa untuk mengikuti segala peraturan dan mengamalkan metoda yang telah ditetapkan oleh pihak Inabah I bagi membiasakan diri mereka dengan rutin harian yang akan mereka jalankan di Inabah ini.

Namun begitu, perasaan terpaksa tersebut akan menjadi satu kebiasaan dan menimbulkan keikhlasan dalam diri mereka untuk melaksanakan syariat Allah SWT di samping berusaha untuk menyembuhkan diri dan keluar daripada gejala penagihan. Namun, aktiviti pemulihan dan rawatan yang dijalankan bukanlah secara hukuman seperti di pusat-pusat pemulihan yang lain. Antara elemen kerohanian yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah I ialah mandi taubat, detoksifikasi, pelaksanaan solat (wajib dan sunat), amalan zikir, khotamam dan pengajian kelas agama serta kemahiran. Justeru, Pondok Remaja Inabah I mengutamakan aspek kerohanian untuk merawat dan memulihkan anak bina kerana metode tersebut adalah metode yang paling bersesuaian untuk dilaksanakan.

Dalam Islam, pelaksanaan amal ibadah merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ini kerana, nilai ibadah yang diterapkan dalam Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan ia juga berkemampuan untuk merawat rohani manusia. Dalam konteks rawatan dan pemulihan anak bina Inabah I, ibadah ialah antara aspek yang terpenting untuk diterapkan kepada anak bina bagi membendung masalah penagihan.

Secara umumnya pondok Inabah I mengamalkan kaedah rawatan dengan menggunakan pendekatan Tarikat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah (TQN). Anak bina yang menjalankan rawatan dan pemulihan di pondok Inabah I akan menjalani tiga kaedah rawatan pemulihan yang utama iaitu, mandi taubat, Solat dan Zikir. Pondok Inabah I memfokuskan kepada konsep untuk membentuk dan membimbing rohani dan jasmani, ma'rifatullah (mengenal Allah SWT), dan taubat (penyerahan diri). Antara pengisian yang diterapkan dalam kaedah rawatan dan pemulihan di Inabah I ialah talqin dan bai'ah, zikir, solat (fardu dan sunat), khotaman (secara mingguan), dan manaqiban (bulanan).

Mandi Taubat

Bagi memantapkan lagi aspek spiritual dalam kalangan anak bina di Inabah I, mandi taubat telah dilaksanakan sebagai permulaan kepada usaha untuk mengembalikan mereka kepada fitrah. Mandi taubat adalah antara pengamalan yang sangat penting di Pondok Inabah I kerana mampu membantu mereka yang terlibat dengan permasalahan ini mengukuh dan mengawal diri daripada dorongan hawa nafsu yang sentiasa membawa manusia kepada kemurkaan Allah SWT. Ini kerana kebersihan (taharah) adalah sebahagian daripada iman, sepertimana sabda Rasulullah SAW,

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَحِبُّ الطَّيِّبَ ، نَظِيفٌ يَحِبُّ النِّظَافَةَ ، كَرِيمٌ يَحِبُّ الْكَرَمَ ، جَوَادٌ يَحِبُّ الْجُودَ ،
فَنَظِّفُوا أَفْنِيَتَكُمْ ، وَلَا تَشَبَّهُوا بِالْيَهُودِ (رواه الترمذي)

“Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi”

(HR At-Tirmidzi).

Dalam konteks metoda yang diamalkan di pusat ini, kebersihan yang dimaksudkan adalah bersuci daripada segala kekotoran dan dimulakan dengan mandi taubat serta membersihkan diri, pakaian, tempat tinggal serta perkara-perkara rohani yang melibatkan hubungan dengan Allah SWT seperti pembersihan hati, jiwa, akal dan emosi. Bagi membiasakan pengamalan tersebut dalam diri anak bina, mereka akan diajarkan dan ditunjukkan terlebih dahulu kaedah mandi taubat beserta doa-doanya seterusnya mereka akan melaksanakan sendiri mandi tersebut sambil diawasi oleh tenaga pengajar Inabah I. Menurut anak bina 2:

Mandi taubat kita rasa badan kita sihat. Bila mandi taubat, badan sihat segar otak.

Menurut anak bina 1:

So mandi taubat memang akan dipantau. Untuk empat puluh hari. Ada orang kira ada orang dengar kita baca betul atau tak betul. Ada orang akan ajar kita baca doa sampai betul. Akan pastikan betul. Maksud zikir pun akan dipastikan. Dalam masa empat puluh hari, tak ada kontak, tak boleh kontak luar, jumpa keluarga pun tak boleh. Tak boleh keluar kawasan.

Mandi taubat yang dilakukan mempunyai bacaan doanya yang tersendiri dan wajib dihafal oleh anak bina supaya mereka mampu melakukannya sendiri sebagai amalan harian yang utama.

رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ ٢٩

Maksudnya: “Ya Tuhanku, tempatkanlah aku pada tempat yang diberkahi, dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi tempat.” (Surah Al-Mukminun: ayat 29).

Mandi taubat dilakukan seawal jam 3 pagi sebelum melaksanakan solat-solat sunat yang telah ditetapkan untuk menjadi antara amalan harian anak bina Inabah I. Walaupun menghadapi beberapa kesukaran ketika melakukan mandi taubat, akan tetapi, amalan tersebut amatlah membantu dan memberi banyak manfaat untuk penghuni di Inabah I dalam usaha mereka untuk kembali pada jalan Allah SWT dengan membersihkan rohani dan jiwa mereka (Mohd Zakri, 2022). Mandi taubat atau *hydo-therapy* dan berwuduk ialah pengamalan yang diwajibkan kepada

semua pelatih (anak bina) sebagai lambang atau simbolik kepada penyucian jiwa sebelum menghadap Allah SWT (Sabir & Fadzli, 2014).

Selama proses tersebut, anak bina tidak dibenarkan untuk berkomunikasi dengan orang luar mahupun keluarga sendiri sehinggalah proses tersebut telah tamat dan mereka pulih dalam peringkat pemulihan tersebut. Sekiranya pihak Inabah I mendapati sebahagian anak bina menghadapi masalah kesihatan, barulah mereka dibenarkan untuk keluar dengan kebenaran daripada pihak AADK dan pihak polis bagi mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital.

Detoksifikasi

Anak bina yang melakukan rawatan di Inabah I akan melalui proses detoksifikasi terlebih dahulu sebelum melakukan mandian taubat yang menjadi amalan harian mereka sepanjang proses pemulihan dan rawatan di Inabah I. Detoksifikasi dilakukan selama empat belas hari dan mereka akan diasingkan daripada anak-anak bina yang lain. Hal ini diakui anak bina 2:

Aa mula empat belas hari kita panggil proses detox. Itu yang tadi bila keluar daripada detox tu yang tu tahalul bercukur, mandi semua dia dah start join dengan orang lain.

Selama proses detoksifikasi tersebut, mereka akan diberikan motivasi atau tausiyah oleh tanaga pengajar yang menjadi pemantau mereka sepanjang aktiviti tersebut dijalankan. Selepas mereka berjaya melepasi proses detoksifikasi, proses tahallul pula akan dilaksanakan, iaitu membotakkan kepala anak bina di Inabah I sebagai salah satu simbolik untuk membuang segala unsur-unsur negatif dalam diri mereka. Tahallul dilakukan sebanyak dua minggu sekali sepanjang proses rawatan dan pemulihan anak bina di Inabah I.

Solat Wajib dan Sunat

Selain itu, dalam usaha untuk memulih dan merawat anak bina di Inabah I, elemen ibadah yang utama dan paling dititikberatkan oleh pihak Inabah I kepada anak bina ialah solat. Solat yang dilaksanakan bukan sahaja solat wajib, tetapi juga solat-solat sunat yang amat digalakkan dalam Islam. Solat menjadi elemen terpenting kerana solat merupakan permulaan kepada setiap kehidupan mausia khususnya umat Islam di dunia ini, dan menjadi komponen utama dalam pembentukan sahsiah umat Islam. Firman Allah SWT,

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤٥

Maksudnya: “Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun), sesungguhnya mengingati Allah SWT adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah Allah maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

(Al-Ankabut: 45)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa solat dapat menjadi halangan daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT jika ibadah wajib tersebut dilakukan dengan penuh khusyuk dan sempurna (zahir dan batin). Malah solat juga berupaya dalam membersihkan hati dan jiwa manusia daripada segala dosa. Sabda Baginda SAW,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، قَالَ: وَفِي حَدِيثِ بَكْرِ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا بِيَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ، هَلْ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ؟» قَالُوا: لَا يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ، قَالَ: فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ، يَمْحُو اللَّهُ بِهَا الْخَطَايَا (رواه مسلم)

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, sedangkan dalam hadis Bakr, ia mendengar Rasulullah (ﷺ) bersabda: “Bagaimana pendapat kalian, sekiranya ada sungai berada dekat pintu salah seorang diantara kalian yang ia gunakan untuk mandi lima kali sehari, mungkinkah kotornya masih ada?” Para sahabat menjawab, “Kotornya tidak akan tinggal,” Baginda bersabda: “Itulah perumpamaan solat lima waktu yang dengannya Allah akan menghapus kesalahan-kesalahan”.

(HR Muslim)

Justeru, anak bina di Inabah di bimbing untuk melakukan ibadah wajib ini dan juga ibadah-ibadah sunat yang lain supaya mereka menjadi individu yang cemerlang dan seimbang dunia dan akhirat. Jika sebelum ini anak bina tidak mempunyai pengetahuan berkaitan solat sunat, mereka akan diajar di Inabah sehingga boleh melaksanakan ibadah tersebut sendiri. Hal ini diakui oleh anak bina 1:

Pengetahuan saya rasa kalau buat ibadah lain, benda sama je tapi adalah solat-solat yang kat luar saya tak pernah tahu pun solat itu ada, yang saya mula tahu kat sini lah. Solat-solat sunat tak pernah buat kat luar. Dan tak tahu pun ada solat itu, kat sini baru tahu dan buat.

Menurut anak bina 2:

Imam kat depan sebelum solat ke takbir dia akan cakap. Birrul walidaini okey kat belakang kita niat birrul walidaini. Solat taubat pula, kita tahu niat dia apa. Jadi kat situ mula-mula dia akan ajar solat ni untuk apa, israk untuk apa, dhuha macam mana. Dia akan ajar.

Pihak Inabah I juga turut menitikberatkan amalan amalan sunat seperti solat sunat Tahajjud, Dhuha, Mutlaq, Ba'diyah, Tahiyatul Masjid, Syukrul Wudhu', Qabliyah dan Ba'diyah, Sunat Taubat, Sunat Tasbih, Sunat Hajat, Sunat Witir dan sebagainya (Mohd Zakri, 2022). Solat-solat tersebut telah diwajibkan untuk anak bina di Inabah I samada melakukannya secara berjemaah atau bersendirian bersama-sama Imam selama 40 hari sepanjang proses rawatan mereka.

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, kesempurnaan dalam pelaksanaan solat itu penting bagi melahirkan individu yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Solat antara metode terbaik dalam merawat serta memulihkan manusia yang rosak jiwa dan hatinya. ini kerana, solat menjadi pengukuh kepada keimanan manusia di samping menghindari mereka daripada melakukan perkara yang sia-sia. Solat ialah ibadah yang telah diwajibkan ketas setiap individu muslim yang menjadi tunjang kepada tahap keutuhan iman seseorang mukmin. Solat mempunyai banyak faedah dan manfaatnya yang tersendiri dari sudut agama mahupun saintifik kerana berupaya memberi kesan positif terhadap kesihatan individu yang menunaikannya. Justeru, solat bukan sahaja sebagai ibadah wajib yang disyariatkan kepada manusia, tetapi juga

sebagai salah satu aktiviti atau program yang wajib dilaksanakan di pondok Inabah (Nursyahidah et al., 2021).

Amalan Zikir [Thoriqot Qadiriyyah Wan Naqsabandiyyah (TQN)]

Selain mandi taubat dan solat, amalan berzikir juga turut dijadikan salah satu metoda yang penting bagi anak-anak di podok Inabah I. Setiap anak bina yang menjalankan rawatan di Inabah I akan diajarkan oleh tenaga pengajar di pusat tersebut kaedah untuk berzikir. Zikir yang diamalkan menjadi pembuka hijab dan memudahkan manusia untuk sentiasa mengingati Allah SWT dalam kehidupan. Zikir yang diamalkan oleh anak bina di Inabah I diambil daripada *Thoriqot Qadiriyyah Wan Naqsabandiyyah* (TQN). Pengamalan zikir-zikir *thoriqot* di Inabah I terbahagi kepada dua bahagian iaitu zikir Jahar dan zikir Khafi. Zikir Khafi diucapkan di dalam hati membantu manusia untuk sentiasa mengingati Allah walau di mana sahaja mereka berada. Malah, ia juga membantu menghindari diri manusia daripada melakukan perkara yang menjadi kemurkaan Allah SWT. Ini kerana, setiap manusia mempunyai hawa nafsu yang mendorong mereka untuk sentiasa melakukan kejahatan apabila zikir khafi tidak diamalkan. Seperti yang dijelaskan sebelumnya, zikir ini membantu individu untuk sentiasa mengingati Allah SWT dalam kehidupan. Tambahan lagi, zikir tersebut mengelakkan individu itu daripada membuat perkara-perkara yang mendorong kepada kemaksiatan. Manakala, zikir Jahar pula ialah zikir yang dilafazkan dengan lisan secara jelas melalui kalimah “*laa ilaaha ilallah*” sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah, bahawa Jabir bin Abdillah berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda,

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ " (رواه أبو داود)

Maksudnya: “Dari Mu’adz bin Jabal RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda, “Siapa pun yang akhir ucapannya (ketika menjelang ajal) kalimah La ilaha ilallah, maka ia masuk syurga”.

(HR Abu Daud)

Kalimah “*laa ilaaha ilallah*” yang disampaikan kepada anak bina diterima melalui daripada seorang guru yang mempunyai salasilahnya dengan Baginda Rasulullah SAW. Talqin daripada seorang guru yang memiliki pengalaman dalam bidang yang berkaitan mampu meningkatkan rasa ketaqwaan dalam diri anak bina Inabah I supaya dapat membenteng diri daripada melakukan perkara yang dilarang dalam Islam. Zikir tersebut perlu dilakukan dan dilafazkan sebanyak 165 kali setiap hari selepas menunaikan solat (Mohd Zakri, 2022). Zikir mempunyai peranan yang luar biasa kerana ia mampu membersihkan dan menyucikan hati manusia serta mendekatkan manusia kepada Allah SWT. Zikir ialah antara amalan yang disyariatkan dalam Islam dan banyak disebutkan di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Amalan zikir juga mestilah berpandukan kepada Al-Quran dan sunnah kerana ia adalah sumber yang menjadi pegangan bagi seluruh umat Islam (Fahmi et al., 2018).

Kesan daripada pengamalan zikir tersebut, anak bina di Inabah I dapat menyucikan hati dan jiwa mereka daripada segala dosa-dosa lalu. Zikir-zikir yang diamalkan juga dapat menghapuskan sifat munafik yang bersarang dalam diri serta menjadi antara salah satu kaedah untuk menguatkan dan memperbaharui iman seseorang selain menjadi benteng daripada melakukan segala perkara yang dilarang. Hal ini diakui oleh anak bina 1:

Saya bukan kata diri saya kuat. Tapi bila penilaian saya tengok pada diri sendiri. Itu sebab saya kata yang lain ramai pun cerita macam itu. Bila amalan contoh kita ada zikir lah. Dalam hati kita sentiasa zikir. Zikir solat dekatkan diri kita dengan Allah. Jadi rasa tercapailah. Tapi tahap mana itu saya tak tahulah. Boleh mengelak untuk ambil dadah balik insya-Allah untuk sekarang.

Menurut anak bina 2:

Modul di Inabah ni mencapai sebab kat sini. Saya tengok zikir. Ada zikir Jahar, khafi khafi ni masuk dalam hati kita sentiasa. Allah Allah Allah. Start bila kita bangun tidur sampai kita tidur. Objektif tu maksudnya pengamalan. Nak mengamalkan nak mengelak daripada hati kita jadi kosong. Nak mengelakkan daripada hati kita ni jauh pada Allah. Antara bila kita tak jauh daripada Allah, kita dekat dengan Allah. Maksudnya tak ada ruang untuk benda yang teruk masuk dalam hati kita. Benda yang banyak benda luar itu masuk dalam hati kita benda yang tak elok, boleh masuk hati kita.

Zikir-zikir yang diamalkan di Inabah I melatih anak anak bina untuk kembali ke landasan Islam yang benar supaya ia menjadi pelindung dan pendinding kepada mereka ketika berhadapan dengan masyarakat luar kelak. Pengamalan yang diterapkan di pusat tersebut juga membantu anak bina lebih berani dan boleh berdikari serta tidak lagi bergantung kepada tanaga pengajar di Inabah I. Jadi, latihan dan pengajaran yang dilaksanakan di Inabah I melatih anak bina untuk membiasakan diri dengan pengamalan tersebut supaya menjadi pegangan hidup mereka. Amalan zikir yang diamalkan oleh pondok Inabah I banyak membantu anak bina kerana ia adalah sumber kekuatan untuk mereka mengawal dan menahan diri daripada gejala dadah.

Penyelesaian kepada gejala dadah ini juga sebenarnya terletak pada keinginan dan kemahuan anak bina sendiri untuk berubah dan kembali kepada jalan Allah SWT. Maksud Inabah sendiri ialah "unibu" iaitu kembali kepada Allah SWT seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Apabila kembali kepada fitrah hidup, Allah akan membantu menyelamatkan diri manusia daripada perkara-perkara yang mungkar. Salah satu kaedah yang membantu manusia untuk kembali kepada fitrah ialah dengan berzikir seperti amalan yang diamalkan dan diterapkan kepada anak bina di pondok Inabah I. Objektif utama penubuhan Inabah I ialah untuk memanusiakan kembali manusia. Ini kerana, anak-anak bina yang terlibat dengan gejala penagihan telah merosakkan diri sendiri, hubungan sesama keluarga, pekerjaan, dan hubungan dengan masyarakat. Amalan berzikir dapat membersihkan hati dan jiwa penagih kerana ia berupaya melapangkan fikiran mereka daripada mengingati dadah. Apabila zikir dijadikan amalan, bekas penagih akan sentiasa mengingati bait-bait kalimah zikrullah tersebut dan seterusnya menyedarkan mereka. Malah, ia juga menjadi sumber kekuatan bagi penagih untuk meninggalkan tabiat penagihan (Nurshuhada et al., 2018). Dengan pengamalan zikir harian di Inabah I, ia mampu mengembalikan semula jiwa manusia ke arah yang lebih baik dan berguna.

Khotamam (Wirid)

Di samping itu, anak bina di Inabah I juga ada mengamalkan wirid atau disebut juga sebagai khotamam. Berwirid juga merupakan antara pengamalan yang diaplikasikan oleh pihak Inabah I kepada anak bina. Wirid-wirid yang diamalkan oleh mereka telah ditempatkan dalam satu kitab khas bagi memudahkan anak bina membaca dan menghafal wirid atau khotamam harian mereka. Anak bina wajib menghafal wirid tersebut bagi memudahkan mereka untuk membacanya sebagai amalan harian dan seterusnya menjadi pegangan untuk kehidupan mereka. Hal ini diakui anak bina 2:

Kitab khataman, dalam ni ada khataman ada tawassul. jadi anak bina sini dia kena hafal buku ni. Wirid-wirid ni semua kena hafal. Dia akan buat tiap-tiap pagi kat sini selama dia duduk sini. Dan mana yang ada lah dalam ni. Himpunan wirid yang kena buat lah.

Amalan yang dilaksanakan di Inabah dilihat pada mulanya seperti sebuah paksaan, namun lama kelamaan menjadi suatu keseronokan kepada anak bina. Menurut anak bina 1:

Sekarang ni baru rasa seronok lah. Untuk awal-awal dulu penat. Ada suara dengan letihnya itu. Masa tengah berzikir tertidur, orang pun tepuk, bangun. Tengah wirid ni. Boleh tertidur. Penat. Lama-lama bila buat rutin tu hari-hari, seronok pula.

Sebelum berwirid, anak bina akan bertawasul terlebih dahulu. Bacaan tawasul adalah daripada baginda Rasullallah SAW seterusnya para sahabat, sampai kepada tabi' tabiin dan kemudian kepada ulama-ulama sehingga sampai kepada Sheikh Abdul Qadir dan kemudian sampai kepada pengasas utama Inabah I iaitu Sheikh Haji Shohibul Wafa Tajul Ariffin di Pondok Pesantren Suryalaya. Selepas selawat anak bina akan berselawat ke atas Nabi dan seterusnya, membaca suarah-surah ringkas seperti an-Nasr dan al-Ikhlâs (Mohd Zakri, 2022). Wirid ialah himpunan ayat-ayat Quran dan doa-doa yang kebiasaannya dibaca secara berkala (rutin) dan dilakukan selepas solat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Abdul Fatah, 2020; Ilfi Nur Faizatul & Robiatul, 2022).

Pengajian Agama dan Kelas Kemahiran

Anak bina di Inabah I juga menambahkan ilmu pengetahuan mereka khususnya berkaitan agama dengan menyertai majlis-majlis ilmu, ceramah, kelas pengajian agama seperti fardu ain, aktiviti sosial bersama masyarakat dan sebagainya. Kelas pengajian agama seperti fardu ain, tasawuf dan sebagainya membantu memberi kefahaman yang lebih baik dalam kalangan anak bina. Ini kerana, pihak Inabah I tidak melakukan paksaan ke atas anak bina dalam usaha untuk mengembalikan mereka pada jalan yang benar, kerana kefahaman setiap individu adalah berbeza. Walaupun tiada paksaan terhadap anak-anak bina, namun program seperti ini sangat dinantikan oleh mereka. Menurut anak bina 1:

Okey setakat ni ada aktiviti yang dijalankan yang berbentuk keagamaan. Bagi saya kan dia rasa ilmu ni dia macam kita rasa macam tak cukup, kita dah tahu yang ni, ada lagi yang benda ni kita tak tahu, eh! yang ni tak betul yang ni ada lagi diajar dia. Ilmu ni ingatkan dah tahu tadi tapi bila kita dah baca-baca kita tengok kita belajar banyak ada lagi benda yang nak kena belajar lagi kan. Alhamdulillah saya dapat hingga diterapkan pada situasi orang kata boleh terapi diri sendiri, zikir, praktik dalam aktiviti.

Selain kelas-kelas pengajian agama seperti fardu ain dan tasawuf, pengajian Al-Quran juga turut diberikan kepada anak bina di Inabah I bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan serta mahir dalam mempelajari kitab Allah SWT. Setiap anak bina juga akan diberikan bimbingan dan dipastikan untuk mahir serta tahu membaca atau menghafal Al-Quran sebelum tamat tempoh rawatan dan sebelum dibenarkan untuk balik ke pangkuan keluarga serta masyarakat.

Tenaga pengajar yang mengajar di Inabah adalah dalam kalangan pihak Inabah I sendiri. Malah, terdapat beberapa ustaz yang dijemput khas daripada luar untuk mengajar anak bina. Namun, tenaga pengajar di Inabah I tidak diberikan latihan-latihan khusus, dan hanya bergantung kepada pengalaman mereka masing-masing. Hal ini menjadi cabaran untuk tenaga

pengajar kerana ketiadaan latihan khusus untuk mereka menghadapi kepelbagaian kerenah anak bina di Inabah. Pondok Inabah I juga ada menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi membantu meningkatkan lagi kefahaman anak bina berkaitan ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang keagamaan di samping berusaha untuk menarik minat mereka dalam menuntut ilmu. Sebagaimana firman Allah SWT,

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۚ ۱۱

Maksudnya: “Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat.”

(Al-Mujadalah: 11)

Ayat tersebut menjelaskan tentang betapa banyaknya faedah yang akan diberikan kepada orang yang mementingkan ilmu pengetahuan kerana ia menjadi kayu ukur kepada kehidupan seseorang samada positif atau negatif. Allah SWT juga mengangkat martabat orang-orang yang berilmu.

Di samping itu, anak bina juga didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemahiran seperti pertukangan, pembinaan, jahitan dan sebagainya. Aktiviti tersebut membuka jalan dan peluang kepada anak bina untuk mendapatkan pengalaman sebaiknya supaya dapat diaplikasikan apabila telah sembuh dan diberikan peluang untuk keluar daripada Inabah I kelak. Anak bina juga ada dilibatkan dengan aktiviti sosial bersama masyarakat luar. Sebagai contoh, menubuhkan sebuah pasukan kompang untuk majlis-majlis yang diadakan di kampung-kampung. Tujuan utama penglibatan anak bina dengan warga masyarakat ialah supaya mereka tidak merasa terkongkong dan dipinggirkan. Malah, pihak Inabah juga pernah menjemput orang luar seperti doktor, professor dan sebagainya untuk duduk bersama-sama dengan anak bina dan melakukan amalan-amalan harian mereka seperti solat, zikir dan sebagainya. Aktiviti tersebut berupaya menghakis komen atau ulasan negatif masyarakat luar berkaitan dengan penubuhan pondok Inabah I sebagai pusat rawatan dan pemulihan penagihan. Antara aktiviti lain yang turut disertai oleh anak bina ialah membantu dalam majlis perkahwinan, program Maulidur Rasul, bertahlil, bercukur rambut dan lain-lain lagi.

Kesimpulan

Kajian yang dijalankan dapat membantu membendung masalah ketagihan dadah dalam kalangan penagih seterusnya mengelakkan mereka kembali relaps. Aspek (Makrifatullah) mengenal dan mendekatkan diri dengan Allah SWT dan taubat (penyerahan diri) yang ditonjolkan melalui perlaksanaan pelbagai ibadah dalam modul psikospiritual dilihat mampu merawat rohani dan meningkatkan aspek spiritual dalam diri setiap penagih. Kandungan dan pengisian modul yang memberi penekanan terhadap sesuatu amalan sebagai amalan utama seperti mandi taubat, solat, zikir, wirid, pengajian agama dan kelas kemahiran serta khidmat masyarakat dilihat dapat membantu pelatih kekal pulih dari ketagihan dadah. Hasil kajian berasaskan modul yang dihasilkan akan digunapakai di pusat-pusat pemulihan penagihan dadah dan pusat serenti yang lain.

Penghargaan

Kertas kerja ini disediakan berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan di bawah tajuk Rawatan Penagihan Dadah Melalui Model Terapi Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah. Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia melalui Geran

Penyelidikan USIM, Pusat Pengurusan Persidangan, Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (PPPI/USIM-RACER_0120/FPQS/051000/11120). Sekalung penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada pihak Pusat Pengurusan Persidangan, Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Rujukan

Al-Quran

- AADK, 2021. Buku Maklumat Dadah 2021. Buku Maklumat Dadah 2021 – Agensi Antidadah Kebangsaan (adk.gov.my).
- Abdul Fatah. (2020). Living Qur'an: Tradisi Wirid Al-Ma'tsūrāt Di Sma'it Abu Bakar Boarding School Kulon Progo. *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alqur'an Dan Tafsir*. Indonesia: Penerbit IAIN Langsa Aceh. Vol. 5. No. 1. June. pp. 1–19.
- Abdulloh, S., Syed Najihuddin, S. H., Mohd Zohdi, M. A., Maisarah, S., Adnan, M., & Mahsor, Y. (2021). Terapi Penagihan Dadah Berasaskan Akidah. In *E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-3 2021*. Nilai: Penerbit USIM.
- Ahmad Razak, Mustafa Kamal Mokhtar, & Wan Sharazad Wan Sulaiman. (2014). Terapi Spiritual Islami: Suatu Model Penanggulangan Gangguan Depresi. *Jurnal Ilmiah Psikologi*. Indonesia: Penerbit UNNES. Vol. 14(2). pp.141–151.
- Akbar Hussain. (2005). *Spiritual Psychology*. New Delhi: Global Vision Publishing House.
- Alia Ashrani Azmi., Hussin Huzli., Aida Shakila Ishak., Siti Intan Diyana, & Noor Aini Zainal. (2008). Sokongan Keluarga Dan Kencenderungan Penagihan Relaps Dalam Kalangan Penagih Dadah Di Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society (IJSPPS)*. Kuala Lumpur: ISM Publication. Vol. 5. No. . pp. 883–890.
- al-Sijistani. Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ats. (2009). *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah
- An-Naisaburi, Abul Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi. (1955). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabi.
- At-Tirmidzi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (1996). *Sunan At-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami.
- Che Zarrina, S. (2019). Psikospiritual Islam: Konsep dan Aplikasi. *Jurnal PAKSI*, 1(1), 43–51.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sunat>. [Dicapai pada 30 Jun 2021].
- Dewi Ainul Mardiyah. (2016). Terapi Psikospiritual dalam Kajian Sufistik. *Khazanah: Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*. Indonesia: Penerbit IAIN Antasari. Vol. 13(2). pp. 234.
- Haslinda Lukman, Latifah Abdul Majid, & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2015). Kesan Terapi Ruqyah Dalam Merawat Pesakit HIV/Aids. *Al-Hikmah*. Bangi: UKM Press. Vol.7(1). pp. 119–131.
- Ilfi Nur Faizatu Fanjah., & Robiatul Ulwiyah., (2022). Wirid Verses To Strengthen Memorization: Study Of Living Qur'an Reading Selected Verses Of Surah Al-Baqarah At Pondok Pesantren. *MUSHAF: Jurnal Tafsir Berwawasan Keindonesiaan*. Indonesia: Penerbit UNUJA. Vol. 2. No.2. pp. 77–93.
- Lilin Rosyanti, Hadju, V., Indriono Hadi, & Syahrianti Shahrianti. (2018). Tinjauan Sistematis Pendekatan Terapi Spiritual Alquran pada Pasien Skizofrenia. *Health Information : Jurnal Penelitian*. Indonesia: Penerbit Poltekkes Kemenkes Kendari. Vol. 10(1). pp. 51–64.
- Maisarah Saidin., Abdulloh Salaeh., Syed Najihuddin Syed Hassan., & Adnan Mohamed Yusoff.. (2021). Rawatan Penagihan Dadah Melalui Terapi Model Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah: Satu Kertas Konsep. *UnIPSAS Conference and Proceedings*. Pahang: Penerbit UNIPSAS. Vol. 1. No.1. pp. 153–162.
- Mohd Alif Jasni., Siti Hajar Abu Bakar., Jal Zabdi Mohd Yusoff., Khairiyah Mad Shahid.,

- Noralina Omar., & Zaiton Azman. (2018). Kekurangan Akses kepada Jagaan Lanjutan dan Faktor-Faktor Risiko Yang Membawa Kepada Relaps Dadah dalam Kalangan Bekas Banduan. *Jurnal Perspektif*. Perak: Penerbit UPSI. Vol. 10. No. 2. pp.34–44.
- Mohd Rushdan Mohd Jailani & Ahmad Bukhari Osman. (2015). Integrasi terapi psikospiritual Islam dalam Modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan TC (Therapeutic Community). International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (Prevent 2015),98-109.
- Muhammad Fahmi Abdul Hamid., & Ishak Suliman. (2018). Konsep Zikir Menurut Hadith Bersumberkan al-Kutub al-Sittah: The Concept of Dhikr Based on Hadith in al-Kutub al-Sittah. *Zulfaqarjdmssh*.Kuala Lumpur: UPM Press. Vol. 1. No. 2. pp. 93–104.
- Muhammad Yusuf, K. (2008). Psycho-Spiritual Therapy Approach For Drug Addiction Rehabilitation. *Jurnal Antidadah Kebangsaan Malaysia*, 3, 143–152.
- Nursyahidah Ibrahim., Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman., & Muhammad Hazim Mohd Azhar. (2021). Pengamalan al-Ṭarīqah al-Ṣūfiyyah Sebagai Motivasi Spiritual Bagi Penagihan Dadah. *Journal of Usuluddin*. Kuala Lumpur: UM Press. Vol. 49. No. 1. pp. 129–150.
- Rahmad Yulianto, & Muktamirul Haq Zain. (2018). Studi Komparatif: Psikoterapi Dalam Perspektif Islam Dan Modern. *AL-Hikmah: Jurnal Studi Agama-Agama*. Indonesia: Penerbit UM Surabaya. Vol. 4(2). pp. 1–19.
- Sabir Abdul Ghani., & Fadzli Adam. (2014). Pemulihan Dadah Menurut Persepektif Agama Di Malaysia. *Jurnal Hadhari*. Bandar Baru Bangi: Penerbit UKM. Vol. 6. No. 1. pp. 75–85.
- Seghatoleslam, T., Habil, H., Hatim, A., Rashid, R., Ardakan, A., & Esmaeili Motlaq, F. (2015). Achieving a spiritual therapy standard for drug dependency in Malaysia, from an Islamic perspective: Brief review article. *Iranian Journal of Public Health*, 44(1), 22–27.
- Siti Zafrina, M. Z., Muhammad Muzakir, O. @Seman, Siti Norma Aisyah, M. @Malkan, & Nurul Hidayah, C. H. (2020). Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam di Kalangan Pelajar Wanita: Suatu Tinjauan Umum di Uitm Pahang, Kampus Jengka. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. Terengganu: Penerbit UNISZA. Vol. 21(2). pp. 216–228.
- Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari. 2020. Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian Dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. Volume 3, Issue 1, 130-144.
- Zohdi Amin MZM, Abdulloh Salaeh, Mahsor Yahya, Zamrie Ibrahim@Musa, Adnan Mohamed Yusoff, Norhasnira Ibrahim, Syed Najihuddin Syed Hassan, Robiatul Adawiyah Mohd, Tazul Islam, Siti Abas & Mohd Syakir Arifin. (2017). A Literature Review of Spiritual Psychotherapy Using Quran Recitation in the Treatment of Drug Addiction. *Advanced Science Letters*. United State: American Scientific Publishers. Vol. 23 (5). pp. 4865-4868.

Temubual

- Mohd Zakri bin Haji Rashid. 2022. Pembantu Pengetua Pondok Remaja Inabah I, Kedah. Temubual 20 Jun 2022. 11 pagi.